

12 APR 2001

DR MAHATHIR LAWAT SELANGOR ESOK

KLANG, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Selangor esok bagi menemui anggota-anggota Umno di empat bahagian serta menghadiri majlis mesra bersama rakyat.

Menurut kenyataan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, pada 9 pagi Perdana Menteri dijadual menghadiri perjumpaan tertutup dengan ahli-ahli Umno Bahagian Gombak dan Hulu Langat di Dewan Orang Ramai AU2 di Datuk Keramat.

Selepas perjumpaan itu, beliau akan menghadiri jamuan makan tengah hari bersama rakyat di perkarangan dewan itu sebelum berlepas ke masjid AlMukaramah di Bandar Baru Seri Damansara untuk menunaikan solat Jumaat.

Perdana Menteri kemudian akan ke Kuala Selangor bagi menghadiri perjumpaan tertutup dengan ahli Umno bahagian Kuala Selangor dan Selayang di Kompleks Umno Bahagian Kuala Selangor.

Dr Mahathir seterusnya akan mengadakan perjumpaan dengan pegawai dan kakitangan kerajaan negeri, pemimpin masyarakat dan anggota parti-parti komponen Barisan Nasional serta menghadiri majlis minum petang bersama rakyat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kuala Selangor.

-- BERNAMA  
RIZ AHH MAI